

The Sun - Need To Cut BR1M Red Tape

Monday, Feb 27 2017

BR1M: Henti keliru, hasut rakyat

KUALA LUMPUR 27 Feb. - Datuk Seri Najib Tun Razak menem-
pelak pihak pembangkang khu-
susnya bekas Perdana Menteri,
Tun Dr. Mahathir Mohamad dan
mengingatkan supaya tidak terus
mengelirukan serta menghasut
rakyat dalam setiap langkah yang
dilaksanakan kerajaan.

Perdana Menteri menegaskan,
setiap keputusan serta langkah
yang diambil kerajaan adalah untuk
kepentingan rakyat dalam jangka
pendek dan juga jangka panjang.

Beliau memberi contoh bebera-
pa inisiatif kerajaan seperti Bantu-
an Rakyat 1Malaysia (BR1M) serta
cukai barang dan perkhidmatan
(GST) yang turut mula digunakan

negara lain seperti Arab Saudi.

Jelas Najib, hasil perbualan be-
liau dengan beberapa menteri kera-
jaan Arab Saudi mendapati negara
itu mengamalkan sistem bantuan
kepada keluarga memerlukan se-
perti pemberian BR1M di negara ini.

"Mereka buka akaun untuk
penduduk di Arab Saudi dan di-
masukkan duit sebagai bantuan
kepada keluarga yang memerlu-
kan. Bila saya dapat tahu itu, apa
beza BR1M dengan bantuan di-
berikan kerajaan Arab Saudi, Dr.
Mahathir kata BR1M itu rasuah.

"Kalau Arab Saudi beri ban-
tuan dalam bentuk wang kepada
rakyat mereka yang memerlukan
bantuan, tidak dianggap rasuah,

kalau kita buat ada orang kata kita
rasuah. Inilah saya kata, jangan
politik sebab BR1M bukan rasuah,
tetapi untuk menolong rakyat
yang memerlukan bantuan.

"Keduanya, kerajaan Arab
Saudi juga akan perkenalkan GST
tidak lama lagi, maknanya kita
tidak ambil langkah yang salah.
Kalau kerajaan Arab Saudi yang
kaya dengan minyak pun laksana
GST, sudah tentu ada sebab mu-
nasabah sistem percukaian itu
dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika
berucap dalam Majlis Perasmian
Residensi Kerinchi dan Kenduri
1Wilayah Persekutuan Parlimen
Lembah Pantai di sini hari ini.

UTUSAN 26/2